

Harap wakil Pas tercalon

Kepimpinan Pas Klang yakin boleh bantu kemenangan terhadap PR

KLANG - Pas berharap agar satu kerusi dalam Parlimen Klang dapat diberikan kepada parti itu memandangkan empat kerusi masing-masing Parlimen Klang, Dewan Undangan Negeri (Dun) Pelabuhan Klang, Dun Pandamaran dan Kota Alam Shah diwakili calon daripada PKR dan DAP pada Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12) lalu.

Yang Dipertua Pas Kawasan Klang, Ismail Arsat berkata, kali terakhir wakil Pas bertanding bagi kerusi Pelabuhan Klang adalah sekitar 1970.

"Bagaimanapun, pertandingan pada waktu itu tidak memihak kepada calon Pas. Sebab itu, pada PRU13 ini kepimpinan Pas Klang ada mencadangkan agar salah satu kerusi diberikan kepada kita.

"Namun begitu, kita hanya menyatakan cadangan itu kepada pucuk pimpinan tertinggi Pas dan PR (Pakatan Rakyat). Semua keputusan sama ada diterima atau sebaliknya diserahkan kepada pihak berkenaan.

"Kita yakin calon dari Pas juga boleh menempa kemenangan sekiranya rakan dalam PR bekerjasama dalam mempergiatkan gerak kerja untuk PRU," katanya.

Mengulas sekiranya Pas tidak di-



ISMAIL

berikan kerusi pada PRU13 menurutnya, beliau akur jika itu keputusan pucuk pimpinan.

"Kita tetap akan membantu bagi memastikan kemenangan PR. Kita tidak mementingkan calon daripada parti mana dalam PR sama ada PKR atau DAP. Apa yang penting adalah PR terus mentadbir negeri ini dan juga kesemua Dun termasuk Parlimen Klang.

"Pemimpin Pas dan penyokong akan terus memberikan kerjasama untuk rakan dalam PR. Kita akan meneruskan gerak kerja dalam memastikan pengundi memberi sokongan penuh kepada PR," katanya.

Sementara itu, ketika diminta



Kerajaan Negeri dan Persekutuan perlu bekerjasama menyelesaikan masalah banjir demi kepentingan rakyat.

mengulas isu banjir yang melanda Parlimen Klang, beliau berkata, sikap tuding jari antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak mampu menyelesaikan sebarang masalah.

"Kedua-dua kerajaan menerusi agensi yang dipertanggungjawabkan harus saling bekerjasama dengan

mengutamakan kepentingan rakyat.

"Di Klang, pihak berkuasa tempatan (PBT) sedang giat melaksanakan projek melalui peruntukan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir.

"Banjir adalah satu bencana yang sukar dijangka bagaimanapun ia juga berlaku dan mempunyai kaitan de-

ngan sistem saliran dan kenaikan paras laut," katanya.

Ismail berkata, kunci air milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga harus diberi perhatian memandangkan kebanyakannya dibina sejak 30 hingga 40 tahun lalu selain tidak mampu menampung kapasiti air yang semakin bertambah.